

29 JUN 1997

Abu Zahar-Jambatan

MELAKA CADANG DUA KAWASAN BAGI JAMBATAN SELAT MELAKA

ALOR GAJAH, 29 Jun (Bernama) -- Kerajaan Negeri Melaka akan mencadangkan dua tapak yang dipercayai sesuai bagi projek pembinaan jambatan menghubungkan Semenanjung Malaysia dan Sumatera di Indonesia.

Ketua Menteri Datuk Abu Zahar Isnin berkata dua kawasan itu ialah di Kuala Sungai Linggi dekat sini dan Sungai Rambai di Merlimau, Jasin.

Unit Perancang Ekonomi Negeri telah mengendali kajian untuk mengenalpasti tapak-tapak itu dan laporan cadangan akan dikemukakan kepada kerajaan pusat tidak lama lagi, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Alor Gajah di sini hari ini.

Kawasan Kuala Sungai Linggi terletak pada jarak kira-kira 30 km ke Sumatera manakala Sungai Rambai pula sejauh 48 km.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini mengumumkan persetujuan kerajaan Indonesia terhadap cadangan projek pembinaan jambatan itu yang akan turut dilengkapi kemudahan laluan keretapi, paip saluran gas dan kabel elektrik.

Kerajaan negeri Johor juga dilaporkan telah menyerahkan kepada kerajaan pusat keputusan untuk menentukan tapak projek itu walaupun kedudukan negeri itu juga bersesuaian bagi pembinaannya.

Abu Zahar berkata kerajaan negeri Melaka akan memberikan kerjasama penuh kepada kerajaan pusat bagi membantu merealisasikan pembinaan jambatan itu.

Pada perkembangan lain, beliau berkata Badan Perhubungan Umno telah diarah mengawasi lawatan-lawatan ke luar negara yang dianjurkan oleh bahagian atau cawangan.

Abu Zahar, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkata pengawasan itu perlu bagi memastikan lawatan yang dianjurkan mendatangkan faedah kepada parti atau kerajaan negeri dan tidak mempunyai motif lain.

Beliau berkata hanya lawatan yang memberi faedah kepada parti atau kerajaan sahaja dibenar dianjurkan oleh mana-mana bahagian dan cawangan dan pengawasan itu termasuk lawatan oleh agensi, jabatan dan mana-mana badan kerajaan.

Bagi lawatan yang dianjurkan oleh saluran kerajaan, pengawasan akan dilakukan oleh Jabatan Ketua Menteri, katanya. -- BERNAMA

MOZ AKD